

# **SAJAK-SAJAK BADARUDDIN H.O. BERTEMAKAN KETUHANAN: ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH**

**(THE DIVINE THEME OF BADARUDDIN H.O. POEMS:  
AN ANALYSIS OF DA'WAH APPROACH)**

Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad  
Mohamad Mokhtar Abu Hassan  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

## **Abstrak**

Makalah ini menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O. yang bertemakan ketuhanan, salah seorang penyair terkemuka di Brunei. Sajak-sajak beliau yang dianalisis bertemakan ketuhanan ialah sajak yang bertajuk “Meski Rumah Mu Di Akhirat” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 53); “Istighfar Rejab” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 18); “Ini Zat Bukan Bayangku” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 21); “Episod-Episod Tsunami” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 65); “Takdir Itu Begini” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 82); “Di Malam Kudus Ramadan” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 45), dan sajak “Tongkat Putih” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 80). Sajak-sajak beliau itu kemudiannya diaplikasikan dengan pendekatan Dakwah, salah satu pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Sajak-sajak beliau itu didapati mengandungi unsur dakwah dan kebanyakannya memaparkan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Penyair menggunakan gaya bahasa yang halus dan lembut untuk menyampaikan dakwahnya.

**Kata kunci:** Teori Pengkaedahan Melayu; Pendekatan Dakwah; Ketuhanan; Kenabian/ Kerasulan; Rukun Islam dan Rukun Iman.

## Abstract

*This paper analyses the poems of Badaruddin H.O., a famous poet of Brunei whose work is Islamic-themed with particular reference to God. The works examined include "Although Your Home In The Hereafter" (Meski Rumah Mu Di Akhirat), "Istighfar Rejab" (Istighfar Rejab), "This Is Not My Baby" (Ini Zat Bukan Bayangku), "Tsunami's Episodes" (Episod-Episod Tsunami), "It's Fate" (Takdir Itu Begini), "In The Holy Night of Ramadan" (Di Malam Kudus Ramadan), and "White Stick" (Tongkat Putih). His poems are then analysed through a da'wah (missionizing) theoretical approach, which identifies da'wah elements that display the majesty of God, and the gentle language style that conveys the religious message.*

**Keywords:** Malay methodology, da'wah, prophecy, rukun Islam, rukun Iman.

## Pengenalan

Pendekatan dakwah melihat hasil karya sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan insan terhadap penciptanya, iaitu Allah. Setiap hasil karya sastera itu dianggap boleh menyampaikan persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah. Hasil karya sastera itu juga dianggap sebagai 'Kitab' yang dapat digunakan oleh manusia untuk mengenali dan menghayati tentang diri dan sifat Allah itu. Hasil karya sastera dapat dilihat mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam. Di samping itu, hasil karya sastera boleh menimbulkan daya tarikan kepada pembaca terhadap kesucian agama Islam. Pendekatan ini "beranggapan bahawa hasil karya sastera itu boleh menjadi alat untuk mengembang agama Islam." (Hashim Awang, 2002, hlm. 20).

Pendekatan Dakwah merupakan salah satu pendekatan dari Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Profesor Dato Dr. Hashim Awang. Tema keagamaan lebih dekat dengan diri penyair kerana latar belakang keagamaan, yang

dimiliki oleh penyair. Beliau mendapat pendidikan agama di peringkat sekolah menengah di Kolej Islam Malaya, Kelang, Selangor dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir. Dengan mengemukakan sajak-sajak yang bertemakan keagamaan, sekali gus penyair menyampaikan dakwahnya kepada khalayak pembaca.

Hal ini juga selaras dengan pandangan Hashim Awang (1993, hlm. 78) bahawa pendekatan dakwah ternyata boleh diterapkan terhadap karya sastera Melayu sebagai suatu usaha menemukan pendekatan sendiri yang lebih tepat dan relevan. Kedua, pendekatan ini memberikan kesan yang baik dalam pemakaianya terhadap karya sastera Melayu yang kebanyakannya memiliki unsur pendakwahan, baik pendakwahan yang seutuhnya bersifat keislaman mahupun yang bersifat umum dalam pengertian panggilan kearah membuat kebaikan dan kemajuan. Selanjutnya, pendekatan dakwah melibatkan sepenuhnya aspek keagamaan dalam kegiatan kritikan sastera, aspek yang sesungguhnya amat mendasari dan mempengaruhi hidup kita sendiri sebagai insan Muslim.

## Definisi Dakwah

Perkataan “dakwah” adalah ambilan dari perkataan Arab bererti seruan, panggilan, atau ajakan. Dakwah pada pandangan agama ialah ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan para rasul-Nya, supaya percaya dan yakin kepada agama yang sebenar, iaitu agama Islam. Dakwah ialah kegiatan menyeru manusia mengikut jalan Allah bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Ia adalah dari kata dasar *Da'a* bererti mengajak, *Da'a* bermaksud seruan, *Dakwah* bermaksud panggilan, dan *Da'i* merujuk kepada pendakwah (Abdul Rauf Dato' Haji Hassan Azhari et. al., 2005, hlm. 140).

Definisi “dakwah” merujuk *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000) ialah “pertama, kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan, kedua; patuh kepada (mengikut) ajaran agama Islam dengan lebih sempurna (sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain)” (hlm. 263-264).

Menurut Ghazali Darusalam (1996) dakwah bermaksud “menjemput, mengajak, memanggil, dan menyeru untuk merangsang ke arah kebaikan dan pengertian dari segi syarak pula bermaksud mempertahankan dan mengembangkan eksistensi sesuatu agama” (hlm. 1).

Menurut Yusof al-Qaradawi (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997) pula “dakwah sebagai usaha menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan berjihad di jalan Allah S.W.T. Ia juga merupakan usaha untuk membawa kaum lain kepada agama Islam mengikut petunjuk dan landasan Islam dengan melaksanakan ketetapan Allah S.W.T” (hlm. 1-2)

Menurut Hashim Awang (1993) pula “dakwah ialah panggilan ke jalan Allah dan ke jalan agama Islam, kerana agama Islam sajalah agama yang diredayai Allah. Dalam *al-Quran*, Allah dengan tegas menjelaskan melalui dua firman-Nya yang bermaksud ‘Katakanlah, inilah jalan (agama)-Ku. Aku dan orang-orang yang mengikuti-Ku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata’ (12: 108) dan ‘sesungguhnya agama (yang diredayai) di sisi Allah hanyalah Islam’ (3:19)” (hlm. 74).

Secara rumusannya, dakwah merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan mengajak atau menyeru orang lain kepada kebaikan, mengikuti jalan Allah dan mencegah orang lain melakukan kemungkaran dan kesesatan.

Dakwah ialah kegiatan yang dituntut oleh Islam seperti yang terlihat pada ayat yang bermaksud:

- i. “Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman.” (Surah adz-Dzaariyat ayat: 55).
- ii. “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Dan merekalah umat yang beruntung.” (Surah al-Ali Imran ayat: 104).

- iii. “Kamu adalah sebaik-baik umat, dilahirkan untuk (kemaslahatan) manusia, kamu mengajak kepada kebaikan dan kamu mencegah dari kemungkaran, serta kamu beriman kepada Allah” (Surah al-Ali Imran ayat 110).
- iv. “Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian; kecuali mereka yang beriman dan melakukan amal saleh, dan wasiat-mewasiat dengan kebenaran, dan wasiat-mewasiat dengan hati yang teguh”. (Surah al-Ashri ayat: 1 – 3).

Ayat-ayat ini disokong oleh hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud “Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak berupaya hendaklah dengan lisannya, dan jika tidak juga berupaya dengan hatinya, maka itulah selemah-lemah iman” (Riwayat Ahmad dan Muslim).

Dalam berdakwah ini seringkali disebut dalam al-Quran dan antara surah dalam al-Quran yang menyebut tentang dakwah, iaitu surah al-Nahi ayat 125, surah al-Hajj ayat 67 dan surah al-Fussilat ayat 33. Dakwah juga merupakan usaha ke arah menangani amar makruf nahi mungkar yang menjadi tanggung jawab setiap orang Islam (Ghazali Darusalam, 1996, hlm. 20-21).

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin, (1997, hlm. 7-16) berdakwah bukan sahaja dipertanggungjawabkan kepada ahli agama sahaja, malahan semua manusia yang beragama Islam dituntut agar melaksanakannya. Tanggung jawab yang perlu ditunaikan ini merangkumi hal-hal yang berkaitan dunia dan juga akhirat. Tuntutan dakwah ini terbahagi kepada beberapa bahagian berdasarkan amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T. Antaranya manusia mengalami kesakitan dari segi rohani, kejahilan manusia kerana tidak dapat membezakan kebenaran dengan kepalsuan, dan keadilan dengan kezaliman. Dakwah ini juga dituntut kerana adanya pertarungan yang berlaku dalam menguasai pemikiran manusia atau pun perlawanan dari aspek kekuatan fizikal dan tuntutan ini juga untuk menyelamatkan manusia di muka bumi ini daripada mendapat kemurkaan Allah S.W.T. kerana tidak mengamalkan ajaran yang sebenarnya.

Dalam berdakwah ini juga menunjukkan umat Islam ini dapat memenuhi sifat mukmin yang sejati yang dapat membezakan diri manusia daripada golongan yang munafik. Sifat mukmin yang sejati memenuhi aspek dan ciri-ciri orang beriman yang menunaikan tanggungjawab dengan sebaiknya melalui dakwah kepada manusia. Manakala perbezaan manusia yang munafik dengan manusia mukmin dapat dilaksanakan melalui dakwah dalam menangani amar makruf nahi mungkar. Hal ini turut disebut dalam surah al-Taubah ayat 71 yang menunjukkan orang yang mukmin hanya akan berbuat makruf dan menolak kemungkaran yang akhirnya mendorong mereka untuk mengajak manusia lain ke arah kebaikan.

Dalam berdakwah ini juga untuk membuktikan kepada orang bukan Islam bahawa orang Islam sentiasa hidup dalam ukhuwah untuk memperlihatkan kesatuan ummah. Hal ini akan memudahkan metodologi dakwah dijalankan kepada bukan Islam tanpa sebarang bentuk keraguan. Terdapat beberapa dalil lain terhadap tuntutan berdakwah ini, iaitu ayat al-Quran surah al-Ahzab, ayat 72 yang membawa maksud manusia perlu menjalankan amanah. Ayat ini diturunkan untuk mengingatkan manusia tanggungjawab untuk menunaikan amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T. Ayat al-Quran yang lain ialah surah al-A'rah, ayat 164-165 yang menjelaskan umat Islam perlu menjalankan tanggungjawab walau dalam keadaan apa sekalipun termasuklah ketika umat Islam mengamalkan kemungkaran dan kemaksiatan dalam hidup.

Melalui pendekatan dakwah dalam teori Pengkaedahan Melayu, seni kesusasteraan Islam perlu meneroka untuk memperlihatkan keagungan Allah S.W.T. Oleh itu, untuk menyerlahkan keagungan Allah S.W.T, maka penyair akan menggunakan segala sumber kejadian di muka bumi ini untuk melahirkan kreativiti masing-masing. Penyair mendapat ilham dan idea apabila sumber di sekeliling mampu diolah untuk dijadikan hasil seni kesusasteraan yang mengajak ke arah kebaikan.

### **Analisis Sajak-sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan**

Sebagai orang Islam kepercayaan kepada Tuhan adalah mutlak dan tidak berbelah bagi. Tuhan yang esa mesti disembah dan umat Islam mesti patuh segala arahan dan perintah-Nya. Allah S.W.T itu Maha Kaya, Maha

Sempurna dan Maha Agung. Sifat-sifat Allah S.W.T itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu: (a) Sifat-sifat wajib (b) Sifat-sifat mustahil dan (c) Sifat-sifat harus. (i) Sifat-sifat wajib bagi Allah S.W.T. ada dua puluh sifat, iaitu: Ada, sedia ada, kekal, berbeza daripada makhluk, berdiri sendiri, tunggal, berkuasa, berkehendak, mengetahui, hidup, mendengar, melihat, berkata-kata, keadaan Allah yang berkuasa, keadaan yang Allah berkemahanan, keadaan Allah yang mengetahui, keadaan Allah yang hidup, keadaan Allah yang mendengar, keadaan Allah yang melihat dan keadaan Allah yang berkata-kata. (ii) Sifat-sifat mustahil bagi Allah S.W.T ada dua puluh sifat, iaitu: Tiada, baharu, binasa, sama dengan makhluk, berhajat kepada yang lain, berbilang-bilang, lemah, terpaksa, bodoh, mati, pekak atau tuli, buta, bisu, keadaan Allah yang lemah, keadaan Allah yang dipaksa, keadaan Allah yang bodoah, keadaan Allah yang mati, keadaan Allah yang tuli, keadaan Allah yang buta dan keadaan Allah yang bisu. (iii) Sifat harus bagi Allah S.W.T ada satu sifat, iaitu: Harus bagi Allah S.W.T mengadakan atau meniadakan sesuatu. Misalnya: Harus bagi Allah menciptakan matahari, bulan, bintang, manusia, bumi dan langit atau harus bagi Allah tidak menciptakan atau menghancurkan semuanya atas kehendak-Nya.

Penyair sebagai hamba Tuhan merasakan dirinya perlu untuk mengadu, berdoa, memohon restu daripada Allah S.W.T. Kepada-Nya segala duka, cinta dan permohonan serta keinginan dipohon. Seolah-olah dengan demikian penyair merasakan dirinya pada ketika bersajak itu sama seperti seorang Sufi yang munajat kepada Allah S.W.T. dengan melupakan segala bentuk diri dan fana' dalam ma' rifat dan kudus dalam Wijdan Ilahi. Sehingga pada suatu ketika, seolah-olah Allah S.W.T itu hampir dengan diri penyair dan berkata-kata dengan penyair hinggakan dapat dipegang dan dilihat. Semuannya ini diungkapkan oleh Badaruddin H.O dalam sajak-sajaknya yang bertajuk "Meski Rumah Mu Di Akhirat" (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 53); "Istighfar Rejab" (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 18); "Ini Zat Bukan Bayangku" (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 21); "Episod-Episod Tsunami" (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 65); "Takdir Itu Begini" (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 82); "Di Malam Kudus Ramadan" (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 45), dan "Tongkat Putih" (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 80).

Dalam sajak Badaruddin H.O. yang bertajuk “Meski Rumah Mu Di Akhirat” ini membawa mesej tentang kebesaran dan keagungan Tuhan yang perlu sentiasa diberikan perhatian oleh umat Islam, khususnya dalam mengingati dan mentaati segala suruhan-Nya. Penyair berdakwah semoga umat Islam menyedari akan hakikat ini lalu menginsafkan diri dan mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya. Seterusnya menyedarkan umat Islam bukan sahaja bersegera untuk mengerjakan sembahyang atau ibadat lainnya, tetapi juga bersedia dan bertekad untuk bekerja dengan penuh disiplin dan dedikasi, bekerja sebagai suatu ibadat kerana Allah. Selanjutnya penyair berdakwah bahawa dunia ini hanya sementara, namun yang kekalnya di akhirat nanti. Demikianlah yang disampaikan oleh penyair dalam petikan sajak “Meski Rumah Mu Di Akhirat” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 53) di bawah ini:

Umat,  
memang Ku dorongkan cintamu menokok mengukuh kasih  
sayang-Ku  
di sebuah dunia bernama akhirat dalam limpah kurnia rahmat-  
Ku  
tapi janganlah dengan cinta kau busutkan gunung duniamu  
kerana dunia dan kehidupannya adalah lebih awal Ku  
amanatkan padamu.

Walau bagaimanpun, penyair turut mengesa umat Islam memberikan perhatian yang seimbang antara keperluan untuk kehidupan di akhirat dan keperluan untuk kehidupan di dunia. Dengan lain perkataan, umat Islam tidak seharusnya menghabiskan umur hanya dengan melakukan ibadat khusus bagi mencapai keberuntungan dan kebahagiaan di akhirat, dengan mengabaikan tuntutan-tuntutan kehidupan di dunia ini. Hal yang sedemikian itu hanya akan membawa kemunduran kepada umat Islam sendiri.

Penyair juga ingin mengingatkan umat Islam supaya dalam kecintaan terhadap Allah dengan melakukan amal ibadat, tetapi dalam pada itu tidak melupakan kenyataan yang dirinya sedang menjalani kehidupan di dunia. Hal ini dapat diteliti dari ungkapan sajak yang berbunyi: “tapi janganlah dengan cintamu kaibusutkan gunung duniamu, kerana dunia dan kehidupannya adalah lebih awal Ku

amanatkan padamu.” Oleh itu penyair menyeru umat Islam melakukan usaha-usaha demi kegemilangan hidup di dunia dapat dicapai, juga tidak harus dikurangkan. Ungkapan ‘gunung’ dan ‘busut’ membawa perbezaan makna yang amat ketara. Ungkapan ‘gunung’ merupakan simbol bagi kegemilangan dan ketinggian, sementara ‘busut’ merupakan simbol bagi kerendahan dan kejatuhan. Ini bermakna Islam menyuruh kita berusaha mendaki seberapa tinggi yang boleh kita capai di dunia ini, dan jangan putus asa atau patah semangat, kerana Islam juga mahukan umatnya mendapat tempat yang gemilang dan dihormati. Hal ini diungkapkan oleh penyair “kerana dunia dan kehidupannya adalah lebih awal Kuamanatkan padamu.” Ini menunjukkan bahawa dunia ini hanya akan dibangunkan oleh manusia, dan Allah telah mengangkat martabat manusia itu menjadi Khalifah Allah di muka bumi ini. Dan orang yang layak untuk menjadikan dunia ini tempat yang aman dan selamat serta membahagiakan semua makhluk Allah yang menghuninya ialah orang-orang yang beriman kepada Allah. Orang-orang yang benar-benar beriman tidak akan melakukan perkara yang mungkar dan tidak akan melakukan sesuatu sewenang-wenangnya melainkan di atas landasan yang hak lagi diredhai Allah.

Selain itu mesej yang ingin disampaikan oleh penyair supaya umat Islam tidak hanya berpeluk tubuh, melihat kemajuan yang dikehjarnya dan dicapai oleh lain-lain bangsa di dunia. Sedangkan mereka lebih rela menjadi penonton dan penunggu bukannya pelopor, peneroka atau pengusaha. Walaupun orang lain sibuk membuat berbagai-bagai perkara dan berlumba-lumba membuat berbagai-bagai projek, bagi meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan mereka dari semasa ke semasa, tetapi kumpulan umat Islam yang berfahaman negatif ini tidak menghiraukan semua itu. Dalam fikiran mereka hanyalah soal-soal akhirat dan bagaimana untuk mendapatkan syurga di akhirat. Sedangkan Allah telah mengingatkan bahawa amalan dan pekerjaan di dunia menjadi bekalan di akhirat nanti. Hal ini yang dapat ditemui dalam petikan sajaknya di bawah ini (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 53):

Umat,  
Ku lihat bayangmu dengan simpati nan alus  
di belakang barisan kafilah, berbekal cita harap  
engkau seperti pedagang, berkira-kira tentang untung

rela menunggu di jalanan –  
rela menunggu di jalanan –  
sedang lalu lintas nan sibuk, kafilah berangkat jua  
dengan derap langkah nan gempita, seperti tidak kauhiraukan  
meski dalam sedetik, tinggal anganmu berbunga syurga.

.....

engkau sepatutnya tidak rela jadi penonton –  
engkau sepatutnya tidak rela jadi penonton –  
sedang di panggung kehidupan orang besorak, dalam mimpi  
nyenyak tidor.

Engkau jangan lupa dan melupakan, nafas seharian  
menghembus hangat  
dan rumahmu di akhirat, tapi Ku hadiahkan tiang menaranya  
dari amal duniamu.

Penyair mengingatkan umat manusia bahawa kepentingan amalan dan pekerjaan di dunia, sebagai bekalan di akhirat nanti dengan ungkapan: “Engkau jangan lupa dan melupakan, nafas seharian menghembus hangat, dan rumahmu di akhirat, tapi Ku hadiahkan tiang menaranya dari amal duniamu.”

Jelas bahawa berdasarkan rangkap-rangkap dalam sajak Badaruddin H.O itu, penyair mengajak umat Islam, memahami bahawa walaupun akhirat itu sebagai tempat penghitungan dan pembalasan, namun segala-galanya bertitik tolak daripada amalan yang dilakukan di dunia ini. Allah memberikan balasan kepada mereka yang melakukan amalan di dunia ini. Demikianlah janji Allah kepada umat manusia seperti mana ungkapan berbunyi “Ku hadiahkan tiang menaranya dari amal duniamu.

Penyair selanjutnya mengingatkan umat Islam janganlah kita hanya mengharapkan pemberian atau pertolongan orang lain kepada kita, dan janganlah hanya menadah tangan dan berdoa tanpa melakukan sebarang usaha positif bagi merealisasikan doa tersebut. Ini kerana rezeki Allah itu mesti dicari dan digali. Tidak boleh berdiam diri. Rezeki itu tidak akan datang dengan sendirinya, sebagaimana ungkapan penyair “tidaklah terunjuk ke tangan, tersuap ke mulut datang membulat.” Hal ini dapat diperhatikan pula dalam rangkap sajak tersebut di bawah ini (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 53-54):

Umat,  
benarlah engkau lebih tulus terhadap Zat NuraniKu  
pemberian nikmat dan bekalan harap melalui junjonganmu  
tapi adalah Zat Nurani atau bungkusan pemberian nikmat  
tidaklah terunjuk ke tangan tersuap ke mulut dating membulat

Di samping itu, mesej yang ingin disampaikan oleh penyair dalam sajak ini bahawa hakikat kebesaran dan keagungan Tuhan yang sesungguhnya tidak dapat dinafikan lagi. Manusia ciptaan-Nya itu adalah sangat kerdil dan lemah. Manusia disuruh berusaha dan berikhtiar bersungguh-sungguh untuk mendapat rezeki yang halal dan diredhai oleh Allah. Hakikat inilah yang perlu disedari oleh tiap insan, agar sentiasa mengingati Allah, sentiasa bertaubat dan mengerjakan segala suruhan-Nya di samping mensyukuri segala kenikmatan yang diberikan-Nya.

Mesej penyair menerusi sajak ini ialah untuk membangkitkan kesedaran kepada umat Islam agar tidak berpeluk tubuh dan berserah bulat-bulat kepada Allah semata-mata di dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Sebaliknya umat Islam perlu berusaha dengan segenap tenaga untuk memperolehi kejayaan dan kegemilangan, di samping melakukan amal ibadat yang banyak untuk memperolehi kesenangan dan kebahagiaan yang hakiki di akhirat nanti. Dalam sajak ini penyair juga ingin menyedarkan umat Islam bahawa manusia adalah ciptaan Allah Yang Maha Berkuasa. Ciptaan-Nya itu tersangat bermanfaat atau berkebaikan, baik untuk manusia mahupun kehidupannya. Manusia digalakkan memanfaatkan sebanyak mungkin daripada segala apa yang ada dalam dunia ini dengan cara yang diredhai oleh Allah, di samping turut sentiasa mengingati dan mematuhi suruhan Allah. Dunia ini juga dapat dimanfaatkan oleh manusia untuk mengenali diri dan sifat Allah yang menciptanya.

Kebesaran dan keagungan Allah itu dapat ditemui dalam beberapa ungkapan sajak “Meski Rumahmu di Akhirat,” iaitu “Ku lihat bayangmu dengan simpati nan alus,” “zat Nurani-Ku,” “Kasih sayang-Ku”, Kurnia rahmat-Ku,” “Ku amanatkan padamu,” dan “Ku hadiah tiang menaranya dari amal duniamu.” Penyair ingin menyatakan betapa sayang dan kasihnya Allah pada umat-Nya. Allah juga Maha Pengasih dan Maha Penyayang pada umatnya yang memohon pertolongan. Malah penyair

juga ingin mengingatkan pada umat manusia bahawa Allah itu Maha Kaya dan Maha Agung. Semua sifat terpuji dimiliki oleh Allah.

Melalui sajak “Meski Rumah Mu Di Akhirat” penyair dengan gaya bahasa yang halus dan lembut, berdakwah dengan perulangan kata “Umat” pada awal setiap baris rangkap sajak. Penyair juga menggunakan nada melankolik untuk mengajak umat manusia menghayati kebesaran Allah dengan penggunaan baris ayat yang panjang.:

Umat,  
memang Ku dorongkan cinta mu menokok mengukoh kasih  
sayang-Ku  
di sebuah dunia bernama akhirat dalam limpah kurnia rahmat-  
Ku.  
(“Meski Rumahmu Di Akhirat”, *Puisi Hidayat II*, 1975: 53).

Selanjutnya dalam sajak Badaruddin H.O yang bertajuk “Istighfar Rejab” (Badaruddin H.O. dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010: 19), penyair berdakwah dengan menggambarkan kebesaran Allah S.W.T. yang mempunyai kuasa dan memberi keampunan kepada umat-Nya, yang meminta sesuatu dan melapangkan rahmat dan rezeki kepada mereka yang memohon doa. Ini dapat ditemui dalam petikan sajak tersebut di bawah ini:

Allahumma  
Tuhan pemilik yang empunnya kuasa  
diberikan lalu disitanya  
kepada siapa dan dari siapa  
dimuliakan lalu dihinakan  
siapa dan siapa dengan kehendak-Nya  
namun di tangan-Mu jua ya Allah!  
kebijakan yang tak terbilang  
kudrat iradat yang tak terhadang  
melimpah-ruah dengan hamba-Mu  
dalam alpa lalainya  
bangkit bangun memohon meminta  
sambil mengakas mencarinya

sebab itu apabila Kauhadirkan aku  
di sini dan di sana dengan masih merindukan  
ampun dan reda-Mu yang kelak mengangkat  
menghantarku ke sisi-Mu dengan hatiku Kausucikan  
setelah tebal dan sebal berselaputkan syak dan ingkar.

Kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. diungkapkan oleh penyair dalam ungkapan “Tuhan pemilik yang empunnya kuasa,” “siapa dan siapa dengan kehendak-Nya,” “namun di tangan-Mu jua ya Allah,” “sebab itu apabila Kauhadirkan aku,” “ampun dan reda-Mu yang kelak mengangkat” dan “menghantarku ke sisi-Mu dengan hatiku Kausucikan.”

Penyair menjelaskan dalam sajaknya, kerana terlalu menyedari hakikat dirinya yang memang kecil dan lemah serta banyak melakukan dosa, penyair meletakkan dirinya dalam keadaan yang sentiasa berwaspada atau berjaga-jaga untuk tidak melupakan Allah dan segera memohon keampunan dan bertaubat apabila sahaja melakukan kesalahan. Demikianlah mesej yang ingin disampaikan oleh penyair dalam sajak “Istighfar Rejab” ini. Ia jelas mengandungi perutusan ikhlas yang amat bersifat peringatan dan pendakwahan. Dalamnya juga tersirat unsur tasawuf yang menggalakkan manusia supaya mendampingi dirinya dengan Tuhan. Demikianlah petikan sajak “Istighfar Rejab” (Badaruddin H.O. dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 19) di bawah ini.

Dan hanya setelah Kautunjuki  
tapak dan lunas rahsia diri  
sedar insaf hadirku di sini  
dalam hina aku terhormat  
hanyak ketika saat di sisi-Mu ya Ilahi!

Di samping itu, sajak ini secara langsung menggambarkan luahan hati diri penyair yang secara ikhlas dan sepenuh ketulusan hatinya mensyukuri Allah S.W.T. kerana kenikmatan yang melimpah ruah yang dinikmati dalam kehidupannya. Penyair juga memohon keampunan dan keredhaan daripada Allah S.W.T. untuk terus hidup dan sentiasa mendamping-Nya hingga ke akhir hayat. Tiada kenikmatan yang lebih besar dapat dirasainya selain daripada kenikmatan dapat berdampingan

dengan Allah S.W.T. Demikianlah keagungan dan kebesaran Allah yang dikemukakan oleh penyair dalam petikan sajaknya itu.

Sajak ini terbina dalam susunan rangkap yang agak besar jumlah barisnya. Dalam jumlah baris-baris sedemikian penyair dapat menggambarkan dengan agak jelas dan panjang tentang curahan rasa atau keluhan hati dirinya yang dhaif dan banyak melakukan dosa. Ini diungkapkan penyair dengan nada penuh kesayuan dan keinsafan. Hal ini dapat ditemui dengan ungkapan “astaghfirullah” diulang sebanyak tiga kali dalam rangkap pertama, ketiga dan ketujuh :

- astaghfirullah
- astaghfirullah
- astaghfirullah.

Kelembutan dan kehalusan penyair berdakwah juga dapat ditemui melalui pembentukan rangkap yang tidak seimbang barisnya. Kata-kata yang membentuk baris-baris dalam rangkap-rangkap itu pula terdiri daripada kata-kata pilihan yang sangat khusus, berfungsi dan berhemat untuk memancarkan gambaran makna dalam gaya bahasa yang lembut dan halus itu. Rima akhir dalam pelbagai pola yang kebanyakannya membawakan gaya bahasa yang penuh kehalusan dan kelembutan, yang secara tidak langsung, dapat melahirkan emosi-emosi keinsafan dan permohonan keampunan. Dengan kata lain, penyair berdakwah dengan gaya bahasa yang halus dan lembut supaya mesej yang ingin diungkapkan sampai kepada umat Islam. Sekali gus memberi keinsafan dan kesedaran kepada umat Islam akan kebesaran dan keagungan Allah.

Dalam sajak “Ini Zat Bukan Bayangku” (Badaruddin H.O. dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 21) pula penyair menyeru umat Islam jangan melupakan Allah S.W.T., dan sentiasa mensyukuri nikmat-Nya, menginsafi diri serta memohon keampunan dari-Nya. Hal ini dapat ditemui dalam rangkap yang kedua hingga rangkap yang ketiga dalam sajak tersebut:

Di hadapan-Mu Ilahi  
hilang segala bernama diri  
rukuk sujud duduk bangun mencari  
dalam bahang hangat mentari.

Akan kugapai reda ampun-Mu  
bergalah taubat dalam istighfar  
lidah menyebut hati mentasdikkanmu  
melilihkan air mata insaf dan sedar.

Dalam petikan sajak “Ini Zat Bukan Bayangku” penyair juga memberikan gambaran tentang penemuan hakikat diri penyair yang sebenar, atau yang diistilahkannya sebagai “zat” dirinya. Selama ini dia merasakan dirinya terlalu banyak melakukan dosa, dia lebih banyak mengambil sifat “bayang” atau kehidupan yang penuh dengan kepura-puraan. Hanya setelah dia benar-benar berhadapan dengan Allah, apakah lagi ketika penyair berada di dalam Masjidil Haram di tanah suci Mekah, baharulah penyair menyedari dan menginsafi bahawa dirinya adalah terlalu kecil dan hina di sisi Allah. Dengan penemuan ini baharulah penyair benar-benar dapat menjadikan dirinya sebagai “zat” bukan lagi “bayang”. Hal ini diungkapkan oleh penyair dalam petikan sajak “Ini Zat Bukan Bayangku” (Badaruddin H.O., dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 21) di bawah ini:

Maka inilah aku hamba-Mu ya Ilahi!  
tinggal zat tidak membayang-bayang lagi  
saki-baki jasadku bernama diri  
tidak lagi seberapa nilainya di sini.

Jelas bahawa sajak “Ini Zat Bukan Bayangku” mengemukakan suatu petunjuk, ajaran atau nasihat yang berguna buat diri penyair dan umat Islam seluruhnya. Penyair berdakwah agar umat Islam berdampingan dengan Allah. Ini dapat dilakukan dengan cara mengingati-Nya, memuji-Nya, dan memohon keampunan-Nya pada setiap masa. Kita sebagai manusia yang merupakan kejadian yang paling sempurna dan indah sifatnya dicipta Tuhan, dan memeluk agama Islam yang berupa agama yang paling suci di sisi Tuhan, sewajarnya dapat melakukan semua amalan dan suruhan Allah dengan lebih kerap, tekun dan ikhlas.

Penyair dengan gaya bahasa yang halus dan lembut berdakwah, ingin mengingatkan umat manusia bahawa manusia ini merupakan ciptaan Allah. Manusia adalah hamba-Nya. Demikian ungkapan “hamba-Mu” diulang beberapa kali oleh penyair dalam sajak tersebut. Antara

ungkapannya ialah “Maka inilah aku hamba-Mu ya Illahi!” dan “Lalu terimalah aku hamba-Mu.” Justeru itu kepada Allah penyair memohon keampunan. Demikian ungkapan-ungkapan yang diluahkan oleh penyair: “Dihadapan-Mu Ilahi” dan “Akan kugapai reda ampun-Mu.”

Dalam sajak Badaruddin H.O. yang berjudul “Episod-Episod Tsunami” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 66) pula yang menggambarkan peristiwa berlakunya “tsunami” untuk tujuan supaya umat manusia mengingati dan menginsafi kebesaran dan keagungan Allah, seperti dalam rangkap yang kelima sajak tersebut :

Lalu mereka jadi gelombang badai  
deras tinggi bergulung-gulung  
melanda pesisiran sempat naik ke daratan  
hidup mati hancur musnah masih saja di tangan Tuhan  
dikatakan orang tulah daulat perlaku sumbang  
bebas pergi bebas pulang undang-mengundang  
angkara murka menimpa tidak memilih orang  
makanya hati bergelut tanya jawab  
cuba meyakinkan diri sendiri sebelum lain orang  
ketemu mercu tanda bertulisan kasar aksara  
Tuhan menghukum demikian tidak saja-saja  
sebab ada butiran hikmat setiap fenomena.

Penyair menggambarkan kebesaran Allah dalam mentadbirkan sesuatu perkara supaya manusia mengambil iktibar dan memohon keinsafan terhadap kesalahan dan dosa yang telah dilakukan. Dengan gaya bahasa yang halus dan lembut, penyair berdakwah dengan mengungkapkan kebesaran dan keagungan Allah dengan ungkapan berbunyi: “Tuhan menghukum demikian tidak saja-saja, sebab ada butiran hikmat setiap fenomena.” Dengan kata lain, Allah mengingatkan manusia bahawa setiap kejadian yang berlaku ada sebab akibatnya. Perilaku manusia yang dianggap oleh penyair sebagai melanggar hukum Allah: “dikatakan orang tulah daulat perlaku sumbang, bebas pergi bebas pulang undang-mengundang, angkara murka menimpa tidak memilih orang.” Justeru itu umat manusia harus mengambil iktibar daripada setiap kejadian Allah itu. Umat manusia perlu insaf dan musahabah diri terhadap segala bala yang menimpa. Demikian yang diungkapkan oleh penyair :

Ayuh! segeralah baca gerak hati nurani  
kota dan desa yang runtuh bersamanya  
dibangkitkan oleh insaf dan kasih  
Tuhan mentakdirkan lagi  
(Badaruddin H.O., dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 69)

Sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah Ar - Ruum ayat 41, yang bermaksud:

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

Dalam sajak di atas memaparkan mesej yang memang berdasarkan sepenuhnya kepada fakta, iaitu fakta yang berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran pada surah Ar-Ruum ayat 41 dan kejadian Tsunami yang berlaku pada tahun 2004. Penyair melihat kejadian tersebut setelah menonton CNN dan Metro TV pada 26 Disember 2004 (Badaruddin H.O. “Episod-episod Tsunami”, 2010, hlm. 67) sebagai kemurkaan dan amaran Allah terhadap manusia yang melupai suruhan-Nya supaya memelihara dan memakmurkan dunia ini, tetapi sebaliknya mereka lebih banyak melakukan kerosakan terhadapnya. Allah menurunkan bala ini untuk menyedarkan manusia tentang kewujudan dan kekuasaan-Nya. Dengan demikian di sebalik kejadian tadi tersembunyi berbagai hikmah untuk direnungi dan diinsafi oleh manusia. Supaya mesej ini benar-benar dapat memberikan kesan mendalam kepada pembaca. Mesej yang ingin disampaikan oleh penyair ialah Allah itu Maha Kaya dan Maha Agung. Allah menciptakan musibah, agar umat manusia mengambil iktibar daripadanya. Penyair mempersesembahkannya dengan mengambil sumbernya daripada kejadian dan ingatan yang sesungguhnya memang pernah berlaku dan wujud, yang pernah disaksikan dan dibaca serta diketahui oleh manusia.

Dalam sajak “Episod-episod Tsunami” ini, penyair juga turut berdakwah akan kebesaran Allah dengan menggunakan ungkapan “hidup

mati hancur musnah masih saja di tangan Tuhan,” “Tuhan mentakdirkan lagi” dan “Tuhan menciptanya bagai gelanggang.” Penyair ingin mengingatkan umat manusia bahawa Allah mentadbir alam ini, Allah mencipta setiap kejadian dan hidup mati umat manusia ini segala-galanya di atas kehendak Allah. Sajak ini disampaikan oleh penyair dalam nada melankolik kerana penggunaan baris ayat yang panjang pada setiap rangkap.

Seterusnya dalam sajak Badaruddin H.O. yang berjudul “Takdir Itu Begini” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 82), menggarap mesej hikmah kejadian manusia oleh Tuhan. Manusia itu adalah ciptaan Tuhan. Tuhan Maha Agung dan Tuhan Maha Kaya. Tuhan menjadikan manusia ini dari pelbagai sifat. Ada yang sempurna sifatnya, ada pula yang cacat sifatnya. Ada yang buta dan ada pula yang celik. Namun, setiap kejadian manusia itu ada hikmahnya. Penyair berdakwah supaya umat manusia menyedari hakikat ini bahawa setiap ciptaan Allah itu ada hikmahnya. Pentingnya, umat manusia harus sentiasa mendekati dirinya dengan Allah, melalui amalannya dan mengikuti segala surahan Allah. Demikianlah yang digarapkan oleh Badaruddin H.O. dalam sajak “Takdir Itu Begini” (*Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 82-83) di bawah ini :

Kata mereka takdir itu begini:  
ada orang buta dan ada orang celik  
hitung kira sukat ukur pada indera  
kurang atau lengkap jadi tilik-menilik.  
.....

Demikian pun masih takdir katanya  
celik buta itu bukan peribahasa  
ada yang buta celik hatinya  
ada yang celik buta inderanya.  
.....

Si celik meneruang dalam cahaya  
si buta meraba menjelak bunyi dan gerak  
dua-dua dalam mencari rahsia takdir-Nya  
bertemu Allah jauh dekat tidak dalam jarak.

Penyair ingin mengingatkan umat manusia bahawa sungguhpun seseorang itu dikurniakan Allah dengan cacat penglihatannya, namun hatinya celik. Demikian ungkapan penyair “ada yang buta celik hatinya.” Sebaliknya mereka yang diciptakan Allah dengan celik penglihatannya namun buta hatinya. Demikian pula yang diungkapkan oleh penyair “ada yang celik buta inderanya.” Penyair juga ingin mengingatkan umat manusia bahawa sungguhpun si celik boleh bergerak dalam cahaya terang benderang, manakala si buta berjalan meraba-raba, namun kedua-duanya harus menyedari akan takdir Illahi. Perlulah kedua-duanya mendekatkan diri dengan Allah dengan mengikuti segala perintah dan suruhan-Nya.

Penyair dengan gaya bahasa yang halus dan lembut, mengungkapkan sajaknya untuk menyampaikan mesej, selagi gus berdakwah disebalik keindahan sajaknya itu. Hal ini dapat ditemui dalam beberapa ungkapan sajak tersebut. Antara ungkapan-ungkapannya ialah “Kata mereka takdir itu begini,” “Demikian pun masih takdir katanya,” “ada yang buta celik hatinya, ada yang celik buta inderanya,” “si buta dan si celik wajib menanggapi” dan “bertemu Allah jauh dekat tidak dalam jarak.”

Demikian juga mesej penyair dalam sajak “Tongkat Putih” (*Takdir Itu Begini*, 2010: 80-81). Penyair ingin menggambarkan kebesaran dan keagungan Allah memberikan kelebihan dan keistimewaan kepada manusia yang cacat penglihatannya. Sungguh pun manusia itu cacat penglihatan tapi hatinya dikurniakan Allah dengan hati yang terang dan mulia. Demikianlah yang dapat ditemui dalam petikan sajak tersebut di bawah ini:

Tentunya syukur mendayagunakan  
kurnia akal kurnia diilhami Tuhan  
dengan Pengasih Penyayangnya  
menyinari hati membisiki telinga.  
Makanya si buta melihat mendengar  
bukan benda berbentuk rupa  
indah budi luhur dan benar  
mendampinginya saat duka dan lara.  
(Badaruddin H.O., dlm. *Takdir Itu Begini*, 2010, hlm. 80)

Melalui sajak ini, penyair dengan gaya bahasa yang lembut dan halus berdakwah kepada umat manusia bahawa kebesaran dan keagungan Allah. Ini diungkapkan oleh penyair dalam baris ayat yang berbunyi “Kurnia akal kurnia diilhami Tuhan, dengan Pengasih Penyayangnya, menyinari hati membisiki telinga.”

Selanjutnya dalam sajak Badaruddin H.O. yang bertajuk “Di Malam Kudus Ramadan,” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 45), penyair menggarapkan pujiannya kepada Allah. Penyair, hamba Tuhan, akan merasakan dirinya perlu untuk bercakap, berdoa dan memohon restu daripada Allah. Kepada-Nyalah segala perasaan dicurahkan. Kepada-Nya segala duka, cinta, dan permohonan serta keinginan dicurahkan. Seolah-olah dengan demikian penyair pada ketika bersajak itu sama seperti seorang Sufi yang munajat kepada Allah dengan melupakan segala bentuk diri dan fana dalam ma’ rifat dan kudus dalam Wijdan Ilahi, sehingga pada suatu ketika seolah-olah Allah itu hampir kepada-Nya dan boleh berkata-kata dengan diri penyair. Seolah-olah dapat dipegang dan dilihat.

Dengan kata lain, penyair mengabadikan dirinya kepada Allah, tempat beliau meminta pertolongan, memohon keampunan di atas setiap perlakuan dosa yang telah dilakukannya dan seterusnya memohon perlindungan daripada Allah. Demikian diungkapkan oleh penyair dalam petikan sajak “Di Malam Kudus Ramadan,” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 45) di bawah ini:

Tuhan ku,  
betapa lah sejuknya  
di kebasahan wudzu  
bertafkur mengingat  
dan menghadap-Mu  
kemudian menatap  
siratan kitab-Mu  
ya, betapa lah sejuknya  
hati yang pernah degil  
dan membelaikang bayang  
di alun-alun perjalanan Rasul kekasih ku,  
tiba-tiba khushuk dan tawaduk  
merasakan belas rahim-Mu.

Penyair dengan gaya Bahasa yang lembut dan halus menyampaikan dakwahnya bahawa kepada Allah, Tuhan yang Maha Agung, Maha Pemurah, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sahaja tempat umat manusia mengadu dan memohon keampunan di atas setiap perlakuan dosa yang telah dilakukannya. Demikianlah ungkapan yang dapat dirasakan dalam petikan sajak “Di Malam Kudus Ramadan” (*Puisi Hidayat II*, 1975, hlm. 45) di bawah ini:

tiba-tiba khushuk dan tawaduk  
merasakan belas rahim-Mu.  
lalu mohon damai  
di bawah sinar Mu  
mohon sampai  
ke pangkal hakikat-Mu

Dalam sajak “Di Malam Kudus Ramadan,” penyair turut berdakwah dengan gaya bahasa yang lembut dan halus dengan mengungkapkan beberapa ungkapan untuk menggambarkan kebesaran Allah. Antara ungkapannya ialah “merasakan belas Rahim-Mu,” “di bawah sinar-Mu” dan “Ke pangkal hakikat-Mu.”

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis sajak-sajak Badaruddin H.O. di atas, jelas bahawa sajak-sajak yang bertemakan ketuhanan, penyair ingin berdakwah bahawa Tuhan itu Maha Kaya, Maha Agung, Maha Penyayang, Maha Pengasih, Maha Pemurah dan segala sifat kebesaran Allah. Manusia itu merupakan hambanya. Penyair menyeru umat manusia menyedari kebesaran Allah, supaya mengambil iktibar setiap kejadian dan peristiwa yang berlaku. Dengan menyedari hakikat ini, penyair mengharapkan umat manusia akan mendekatkan dan mengabdikan diri kepada Allah. Darinya manusia mengenal sifat-sifat keagungan Allah. Penyair juga mengingatkan manusia bahawa Allah tempat memohon pertolongan dan tempat meminta keampunan.

Jelas bahawa sajak-sajak karya Badaruddin H.O. amat menepati dan sesuai diaplikasikan dengan pendekatan Dakwah. Sepertimana yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1993) “pendekatan Dakwah melihat

sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkat nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah. Sastera, dalam maksud tanggapan kudus begini, sewajarnya mengandungi persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah; sastera di sini dapat dijadikan semacam ‘Kitab’ yang darinya insan dapat mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat dan diri Tuhan yang demikian itu, sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadap-Nya” (hlm. 57).

## Bibliografi

- Abd. Aziz Mohd. Zin (1977). *Pengantar dakwah Islamia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Rauf Dato' Haji Hassan Azhari, Wan Norainawati Hamzah dan Ali Badron Mokhtar (2005), “Pemerolehan sumber rujukan pengajian al-Quran melalui media Internet di era globalisasi”, kertas kerja yang dibentangdakan dalam Seminar Antarabangsa Al-Quran pada 19-20 September di Kuala Lumpur.
- Ahmad Kamal Abdullah (1988). *Unsur-unsur Islam dalam puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ampuan Haji Brahim Bin Ampuan Haji Tengah (2006). *Fungsi sastera. Brunei Darussalam*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin H.O. (1998). *Episod-episod si Awang*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin H.O. (1995). *Hasrat merdeka*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin H.O. (2004). *Kembara merdeka*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin H.O. (2000). *Kosovo bilakah langitmu kembali biru*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badaruddin H.O. (1980). *Lagu hari depan*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Badaruddin H.O. (1975). *Puisi hidayat II*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Badaruddin H.O. (2005). *Puisi hidayat III*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Badaruddin H.O. (2010). *Takdir itu begini*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Ah Fok (2006). *Kajian novel-novel terpilih Brunei dari perspektif pengkaedahan Melayu*.
- Disertasi Sarjana, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Brunei.
- Ghazali Darusalam (1996). *Dinamika ilmu dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Sdn. Bhd.
- Hashim Haji Abdul Hamid (1995), “Peranan puisi di tengah-tengah penghidupan semasa sehingga menjelang 1983 (Merdeka)” dlm. *Sekitar kritikan sastera Melayu Brunei*: Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Abdul Hamid (1995). “Peranan puisi di tengah-tengah penghidupan semasa sehingga menjelang 1983 (merdeka)” dlm. *Sekitar kritikan satera Melayu Brunei* (1995). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (2003). “Hubungan kesusasteraan dengan alam sekitar” dlm. Kertas kerja seminar kesusasteraan dan alam sekitar pada 23-24 Jun di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hashim Awang (2001). “Kepelbagaiannya pendekatan dan keilmuan dalam kajian dan kritikan sastera Melayu”. Kertas kerja seminar kajian sastera tradisional dari teori/pendekatan moden pada 5-7 Oktober di Universiti Brunei Darussalam, Brunei.
- Hashim Awang (1991). ”Melihat munajat di perkebunan menerusi pendekatan alamiah” dlm. *Dewan Sastera*, April (hlm. 46-48).
- Hashim Awang (1993). “Menilai hidayah dengan pendekatan dakwah” dlm. *Dewan Sastera* November, hlm. 74-78.

Hashim Awang (1998). *Penciptaan dan kemanusiaan dalam cerpen dan novel*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hashim Awang (1996). “Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air” dlm. Kertas kerja seminar pasca sarjana, anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Seni Melaka pada 7-9 Jun di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Hashim Awang (1993). “Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air”, *Dewan Sastera*, Februari, hlm. 52-57.

Hashim Awang (1997). “Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air” dlm. Mana Sikana (peny.). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*, Bangi: JPM, FSKK, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hashim Awang (1994). “Pengkajian sastera: Pengkaedahan Melayu” dlm. Sahlan Mohd. Saman (peny.), *Teks dan khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang (1992). “Suatu kritikan daripada pendekatan firasat” dlm. *Dewan Sastera*. Februari (hlm. 26-30).

Hashim Awang (2002). “Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya” dlm. Kertas kerja bengkel kajian teori sastera Melayu, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28-29 Jun di Riviera Bay Resort, Melaka.

Hashim Awang (2000). “Teori sastera sendiri: Pengkaedahan Melayu” dlm. *Bahana*, September – Oktober, (hlm. 35-40).

Harun Mat Piah (1997). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah (1995). “Sajak-sajak awal Brunei: Satu perkongsian dan kesinambungan tradisi puisi nusantara”. Kertas kerja, seminar antarabangsa kesusasteraan Melayu iv, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14 – 16 Ogos.

- Harun Mat Piah (1996). "Sajak-sajak awal Brunei: Tinjauan ringkas terhadap bentuk dan pemikiran" dlm. *Pangsura*. Bil. 3 Jil. 2 (hlm. 3-23).
- Is Im (2013). "Badaruddin H.O.", *Bahana*, April (hlm. 1-10).
- Kamis Haji Tuah (2006). *Sastera moden Brunei Darussalam sejak dulu hingga kini*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lagu hari depan*. (1980). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan (2012). "Suara dari dinding dewan : Aplikasi terhadap teori pengkaedahan Melayu" dlm *Pangsura*, Bil. 31 Jil. 17, Januari – Jun (hlm. 79-94).
- Morsidi Haji Muhamad (2010). *Puisi moden Brunei sebelum merdeka 1940 – 1983*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abd. Latif (1980). *Perkembangan puisi di Brunei*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bin Haji Yassin (1995). *Puisi Islam di Brunei*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Saliah Bungsu (1997). *Puisi lama Brunei: Ciri dan fungsinya dalam Masyarakat*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Sekitar kritikan satera Melayu Brunei* (1995). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Zaliha Wan Othman (2013). "Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian intertekstualiti dan dakwah". Tesis PhD. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zairis M.S. (2008). *Kupasan puisi pilihan: Persepektif Islam*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan (2007). *Puisi Melayu moden: Kajian teori pengkaedahan Melayu*. Tesis Phd. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.